

## **ERRATA**

Tajuk: Praktis Topikal UASA 2023 Bahasa Melayu Tahun 6

Kod Buku: TYC256013

Penulis: Dayne Azmin

<b>Muka surat</b>	<b>Tema</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
J-3	5	<b>Bahagian A</b> ➤ 1. C	<b>Bahagian A</b> ➤ 1. D



### Karangan Tidak Berformat

Pada hari Ahad yang lepas, aku mengajak Aiman dan Chong Wei bermain di taman permainan di kawasan perumahan kami. Kami hendak bermain bola sepak di sana. Kami juga membawa sedikit bekalan makanan seperti air dan kuih-muih dengan tujuan untuk beriadah di taman itu.

Sampai sahaja di sana, kami berasa sangat sedih dan kecewa kerana banyak alat permainan telah rosak. Antaranya, jongkang-jongket sudah tidak boleh digunakan, buaian juga sudah berkarat serta beberapa alat permainan lain juga telah patah. Keadaan ini boleh membahayakan kanak-kanak yang bermain di situ terutamanya tanpa pengawasan daripada ibu bapa.

Kami telah bersepakat untuk mengadukan masalah ini kepada ketua penduduk yang merupakan ayah Aiman. Sampai sahaja di rumah Aiman, kami terus bercerita kepada bapanya masalah yang berlaku di taman permainan. Ayah Aiman berjanji akan memastikan masalah ini diselesaikan secepat mungkin.

Pada malam itu, ayah Aiman bermesyuarat dengan ahli jawatankuasa penduduk dan mereka telah mendapat kata sepakat untuk menghantar surat kepada pihak Majlis Perbandaran Rompin agar masalah ini dapat diatasi dengan segera. Hal ini demikian kerana, alatan permainan yang rosak perlu dibaiki dan ada yang perlu diganti dengan yang baharu bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Tindakan aku, Aiman dan Chong Wei dipuji oleh ahli jawatankuasa penduduk. Ayah Aiman mengucapkan terima kasih kepada kami kerana prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh warga taman. Sebagai ketua penduduk, ayah Aiman berharap masalah ini dapat diselesaikan dengan segera agar kanak-kanak dapat bermain dan penduduk taman dapat beriadah di taman itu semula.

### Tema 4

m.s. 27

#### Bahagian A

- |      |      |      |      |       |
|------|------|------|------|-------|
| 1. D | 2. C | 3. C | 4. D | 5. B  |
| 6. B | 7. A | 8. B | 9. C | 10. D |

#### Bahagian B

##### Soalan I

1. ... pemberian angpau
2. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memupuk persefahaman dalam masyarakat pelbagai kaum dan agama.

3. didirikan / kebanyaknya / menyediakan
4. Wakil rakyat itu memberitahu kepada pihak media bahawa kerajaan negeri akan mengadakan majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri pada minggu hadapan.

### Soalan 2

Sebagai seorang yang prihatin, saya akan memberhentikan kereta dan membantu lelaki Melayu yang sedang menuntun motosikalnya yang pancit. Kemudian, saya akan menghantar lelaki itu ke bengkel supaya mekanik boleh datang membaiki motosikalnya yang ditinggalkan di bahu jalan tadi.

### Bahagian C

Gotong-royong merupakan amalan yang baik dalam hidup bermasyarakat. Terdapat banyak kebaikan apabila menyertai aktiviti gotong-royong. Antaranya, menjimatkan perbelanjaan tuan rumah. Sebagai contoh, semasa majlis perkahwinan diadakan, para penduduk kampung hadir membantu menyediakan makanan dan minuman. Secara tidak langsung, tuan rumah tidak perlu menempah pakej katering. Seterusnya, aktiviti gotong-royong dapat mengukuhkan silaturahim dalam kalangan penduduk. Buktinya, semasa majlis rumah terbuka semua penduduk berbilang bangsa hadir meraikannya. Seterusnya, gotong-royong dapat memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, gotong-royong membersihkan balai raya dapat memupuk nilai kerjasama dalam kalangan penduduk. Kesimpulannya, aktiviti gotong-royong memberikan banyak kebaikan kepada kita.

### Tema 5

m.s. 35

#### Bahagian A

- |      |      |      |      |       |
|------|------|------|------|-------|
| 1. D | 2. C | 3. C | 4. D | 5. B  |
| 6. C | 7. C | 8. A | 9. D | 10. B |

#### Bahagian B

##### Soalan I

1. ... latihan bola sepak
2. Puan Ayu terjatuh di bahu jalan. Kakinya terseluh dan tangannya berdarah.
3. berlapang dada
4. Arif mengucapkan terima kasih kepada Jesicca kerana telah membantunya semasa dalam kesusahan.